



قجابت تانه كوالا ترغغانو

PEJABAT TANAH KUALA
TERENGGANU
KOMPLEKS SERI IMAN
JALAN SULTAN MOHAMAD
20692 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU DARUL IMAN

Telefon : 09-6222966
Faks : 09-6226127
Laman Web : <https://ptg.terengganu.gov.my/portal/en/web/kualaterengganu>
Emel : ptkt@terengganu.gov.my

Ruj. Tuan : RCO/L/LPPSA/13897/2023
Ruj. Kami : PTTRG/04/10/A/PPJ/2024/2
Tarikh : 06 April 2025
Bersamaan : 07 Syawal 1446H



RAFAEI & CO.
NO. 85 TINGKAT 1 & 2
JALAN SULTAN ISMAIL
20200 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU

MOHD YAZID BIN MOHD YUSOF
LOT 11368
TAMAN SRI BINJAI
JALAN DEWAN SIVIK BINJAI RENDAH
21400 MARANG
TERENGGANU

Tuan,

**PERMOHONAN PERINTAH JUAL DIKELUARKAN KE ATAS TANAH
BERKETERANGAN GERAN MUKIM 3276 LOT 61548 MUKIM GELUGUR KEDAI,
KUALA TERENGGANU TERENGGANU**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada siasatan yang diadakan pada 11 Mac 2025, jam 10:00 pagi bertempat di Pejabat ini. Bersama surat ini dilampirkan "Perintah Jualan Atas Permintaan Pemegang Gadaian" (Borang 16H) bertarikh 11 Mac 2025, ke atas hartanah seperti yang tersebut di atas.

2. Penjualan secara Lelongan Awam bagi hartanah ini akan diadakan pada **hari Selasa, 01 haribulan Julai 2025, jam 10:00 pagi bertempat di Ruang Legar, Pejabat Tanah Kuala Terengganu, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 20692, Kuala Terengganu, Terengganu, dengan harga rizab RM 140,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Empat Puluh Ribu Sahaja).**

3. Permohonan untuk menangguhkan jualan atau untuk membatalkan perintah jualan oleh pemegang gadaian dengan persetujuan penggadaai hendaklah mematuhi peruntukan Sekysen 264A KTN dengan melengkapkan Borang 16O dan hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Pejabat Tanah Kuala Terengganu tidak lewat daripada **tujuh (7) hari sebelum hari lelongan** dengan fi bayaran sebanyak RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Sahaja).

"Pelanggan Keutamaan Kami"



Visit Beautiful
Terengganu
Malaysia

Ruj. Tuan : RCO/L/LPPSA/13897/2023
Ruj. Kami : PTTRG/04/10/A/PPJ/2024/2
Tarikh : 06 April 2025
Bersamaan 07 Syawal 1446H



4. Pemegang Gadaian hendaklah mematuhi peruntukan Seksyen 264(2) KTN untuk menyerahkan (a) **pendua gadaian**; (b) **dokumen hakmilik keluaran** kepada Pentadbir Tanah Pejabat Tanah Kuala Terengganu, **tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh lelongan** itu. Kegagalan untuk mematuhi peruntukan Seksyen 264(2) KTN akan mengakibatkan penjualan lelongan awam ditangguhkan dan kos pada masa itu ditanggung oleh Pemegang Gadaian.

5. Tuan boleh menghubungi pentadbir tanah untuk urusan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOREHAN BINTI MOHAMAD)

b.p. Pentadbir Tanah Kuala Terengganu

s.k.

PENGURUS

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM

KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN NO. 9

PERSIARAN PERDANA PERSINT 2

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

62592 PUTRAJAYA

(Ruj : 47175/2020/C4(LG58820))

MOHD YAZID BIN MOHD YUSOF

G1-T-6E

PERUMAHAN POLIS

DAERAH MARANG

21600 MARANG

TERENGGANU

KANUN TANAH NEGARA

BORANG 16H
(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, NOREHAN BINTI MOHAMAD, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh Seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965, dengan ini perintah supaya dijual *tanah / ~~bahagian tanah yang tidak dipecahkan / pajakan / pajakan kecil~~ yang diperihalkan di dalam Jadual Tanah di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan -

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelongan awam, yang akan diadakan pada **01 Julai 2025, jam 10:00 pagi** bertempat di **Ruang Legar, Pejabat Tanah Kuala Terengganu, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 20692, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU**; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah **RM140,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Empat Puluh Ribu Sahaja)**;
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada *pemegang gadaian / ~~pemegang-pemegang gadaian~~ pada tarikh ini ialah **RM344,035.43** kepada **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM**.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas, iaitu **RM14,000.00 (Ringgit Malaysia : Empat Belas Ribu Sahaja)**;
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya -
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan, dalam masa tidak lebih daripada **satu ratus dua puluh (120) hari** daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat daripada tarikh **28 Oktober 2025** dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan

- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah Seksyen 267A Kanun Tanah Negara 1965.

Tarikh : 11 Mac 2025



Handwritten signature



**b.p. Pentadbir Tanah,
Daerah Kuala Terengganu
Negeri Terengganu Darul
Iman**

JADUAL TANAH *DAN KEPENTINGAN

*Bandar/ Pekan/ Mukim	No. *Lot/ Petak/ P.T.	Jenis dan Nombor Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar *pajakan/ pajakan kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
Mukim Gelugur Kedai	Lot 61548	Geran Mukim 3276	Semua Bahagian	Tiada	No. Pers: 04SC627/2021 Tarikh: 01/03/2021
SATU (1) KETERANGAN HAKMILIK SAHAJA					

KANUN TANAH NEGARA

PERISYTIHARAN JUALAN
PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN
DALAM PERKARA SEKSYEN 263 KANUN TANAH NEGARA 1965

Di antara

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (-)
Pemegang Gadaian

Dan

MOHD YAZID BIN MOHD YUSOF (741017-14-5141)
Penggadai

Menurut Perintah Jualan atas permintaan Pemegang Gadaian oleh Pentadbir Tanah Kuala Terengganu yang diperbuat pada 11 Mac 2025 dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Kuala Terengganu

AKAN MENJUAL SECARA

LELONGAN AWAM

HARI: SELASA

TARIKH: 01/07/2025

JAM: 10:00 PAGI

PEJABAT: PEJABAT TANAH KUALA TERENGGANU

NOTA: Bakal-bakal pembida adalah dinasihatkan agar membuat carian rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut sebelum jualan lelong. Bakal-bakal pembida juga digalakkan membuat permohonan atas talian melalui Portal Awam Sistem eTanah di <https://etanah.terengganu.gov.my>.

BUTIR-BUTIR HARTANAH

Jenis dan Nombor Hakmilik
No. Lot/PT
Bandar/Pekan/Mukim
Keluasan Tanah
Tempoh Pegangan
Cukai Tanah
Kategori
Syarat Nyata

GM 00003276
Lot 61548
Mukim Gelugur Kedai
619.00000 Meter Persegi
Selama-lamanya
RM10.00
Bangunan
i) Hendaklah didirikan bangunan kediaman sahaja. ii)
Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik atau
di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh
Pentadbir Tanah Kuala Terengganu hendaklah didirikan
dan disiapkan dengan sempurna bangunan kediaman

	mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
Sekatan Kepentingan	Tiada
Kawasan Rizab	Tidak
Nama Penggadai	MOHD YAZID BIN MOHD YUSOF (741017-14-5141)
Bebanan	Digadaikan kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM mengikut No. Perserahan 04SC627/2021.
	Didaftarkan pada 01 Mac 2021
Lokasi Tanah	Hartanah ini terletak di alamat TEREONGGANU

HARGA RIZAB: RM 140,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Empat Puluh Ribu Sahaja)

Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Lelongan adalah terbuka kepada semua Orang Melayu yang berminat termasuk Pemegang Gadaian (jika dibenarkan oleh undang-undang).
2. Sebarang tawaran tidak boleh kurang dari Harga Rezab yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah dalam perintah (Borang 16H) ATAU Perisytiharan Jualan.
3. Bakal penyambut mesti terlebih dahulu membayar / menyerah Deposit sebanyak 10% daripada Harga Rezab iaitu selewat-lewatnya 9:20 pagi sebelum penjualan bermula. Penyambut yang tidak berjaya depositnya akan dikembalikan.
4. Bayaran Depositnya (3) hendaklah dalam bentuk BANK DRAF (SAHAJA) kepada PEMEGANG GADAIAN dengan mencatatkan nama dan No. Kad Pengenalan tuan disebelah belakang Bank Draf berkenaan.
5. Penyambut yang berjaya dalam lelongan berkaitan mestilah membayar / menjelaskan sepenuhnya jumlah deposit (10%) peratus daripada harga pembelian / tawaran berkenaan dalam bentuk bank draf / wang tunai sebaik sahaja selepas penjualan lelongan itu tamat.
6. Penyambut hendaklah juga menandatangani satu perjanjian jualbeli dengan penyaksian.
7. Baki harga tawaran / pembelian (90%) hendaklah dijelaskan dalam masa 120 hari mula Tarikh perjanjian jualbeli dibuat iaitu tidak lebih dari 28 Oktober 2025. Jika gagal, penyambut tawaran dianggap telah Melanggar Perjanjian Jualbeli dan wang deposit 10% akan dirampas dan akan digunakan / diagihkan mengikut Seksyen 267 Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2001.
8. Tanah ini adalah dipercayai dan hendaklah dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen, kaveat, tenansi, tanggungan dan hak (jika ada) yang wujud di atas atau terhadapnya tanpa apa-apa tanggungan yang timbul untuk mentakrifnya dan tiada kesilapan pernyataan khilaf atau perihal khilaf boleh membatalkan jualan ini dan tiada bayaran ganti rugi dibenarkan mengenainya.
9. Apa-apa bayaran cukai tanah, bayaran taksiran dan semua perbelanjaan yang kena dibayar bagi membuat atau melaksanakan perintah jualan ini hendaklah dibayar daripada harga belian. Segala bayaran lain berhubung dengan pendaftaran perakuan jualan hendaklah ditanggung oleh Pembeli.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Nae", is positioned to the right of the official seal.

Bertarikh pada 24 Mac, 2025

**b.p. Pentadbir Tanah
Daerah Kuala Terengganu
Negeri Terengganu Darul Iman**